

Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 17 (Jun) 2014: 87–108

Masalah Sosial yang Berlaku dalam Komuniti Pesisir di Kelantan

(Social Problems in Offshore Community in Kelantan)

ZULFIKRI ABD. WAHAB, YOHAN KURNIAWAN

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia
Kelantan

HARIS ABD. WAHAB

Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Universiti Malaya

E-mel: haris@um.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir. Masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir boleh dikategorikan kepada masalah sosial dalam bentuk keadaan sosial dan masalah sosial dalam bentuk tingkahlaku anti sosial. Kajian dilakukan di Kampung Nelayan Kandis, Bachok dan Kampung Baru Nelayan, Tumpat, Kelantan. Seramai 250 orang responden telah dipilih secara rawak dan ditemubual menggunakan borang soalselidik. Masalah sosial dalam bentuk keadaan sosial yang banyak berlaku dalam komuniti pesisir ialah masalah pengangguran, kemiskinan, bekalan air bersih dan masalah kesihatan. Manakala masalah sosial dalam bentuk tingkahlaku antisosial yang banyak berlaku dalam komuniti pesisir ialah masalah penyalahgunaan dadah dan ganja, mencuri, mengambil pil khayal dan lepak. Pencegahan dan penyelesaian masalah sosial dalam komuniti pesisir memerlukan kerjasama pelbagai pihak

Kata Kunci: *Masalah sosial, keadaan sosial, tingkahlaku antisosial*

Abstract

This study aimed to identify the forms of social problems that occur in coastal communities. Social problems that occur in coastal communities can be categorized into social problems in the form of social conditions and social problems in the form of anti-social behavior. This study was done in Kampung Nelayan Kandis, Bachok and Kampung Baru Nelayan, Tumpat, Kelantan. A total of 250 respondents was randomly selected and interviewed

using questionnaires. Social problems in the social conditions that occur in coastal communities were unemployment, poverty, clean water supply and health problems. The social problems in the form of anti-social behavior were drug and marijuana abuse, stealing, taking hallucinogenic pills and loitering. Prevention and solution of social problems in coastal communities require the cooperation of various parties. .

Keywords: *Social problems, social conditions, antisocial behavior*

Pengenalan

Malaysia mendefinisikan zon pinggir pantai sebagai satu jalur tanah sehingga 5 km ke daratan dari garis pinggir pantai atau garis pesisir yang merupakan garis pertemuan antara air laut dan daratan. Sekiranya zon pinggir pantai itu mempunyai paya bakau atau nipah, zon itu terdapat ke daratan sejauh 5 km dari sempadan daratan paya atau paya nipah tersebut, zon itu terdapat ke daratan sejauh 5 km dari sempadan daratan paya tersebut. Dalam kes paya gambut pula zon pesisir pantai bermula dari garis pesisir sehingga had paling ke daratan paya itu yang mungkin lebih 5 km lebarnya. Ke arah laut hadnya ialah 200 batu nautika dari garis pesisir dan merangkumi Zon Ekonomi Eksklusif (Malaysia, 1992). Oleh itu, komuniti pesisir merujuk kepada mereka yang tinggal di kawasan pesisir pantai (5 km dari tepi pantai ke daratan) dan sumber ekonomi mereka bergantung secara langsung dan tidak langsung kepada laut (Nor Hayati, 2010; Abdul Rahman, 2007; Nanthakumar & Syahrin, 2004; United Nations Development Programme, 1996; Malaysia, 1992). Dianggarkan kira-kira 9.5 juta orang penduduk Malaysia mendiami kawasan pesisir pantai (Sustainable Development Strategy fo the Seas of East Asia, 2005).

Nor Hayati (2011) menyatakan semua negeri di Malaysia (melainkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putra Jaya) mempunyai pesisir pantai. Pulau-pulau yang terdapat di bawah bidang kuasa Zon Ekonomi Eksklusif juga mempunyai zon pinggir pantai. Dari segi keluasan, Malaysia mempunyai zon pinggir pantai seluas lebih kurang 4,316,292 hektar yang merupakan 13.3 peratus daripada keluasan Malaysia (Nor Hayati, 2011). Angka ini menjadikan zon pinggir pantai negara merangkumi jumlah keluasan tanah sebanyak 8.9 peratus di Semenanjung Malaysia, 13 peratus di Sabah dan 18 peratus di Sarawak (Malaysia, 1992).

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan kesejahteraan hidup di dalam kalangan ahli komuniti pesisir. Antaranya ialah pelaksanaan projek Kemajuan Masyarakat KEMAS, projek penempatan semula dan pembangunan in-situ. Walaupun pelbagai program pembangunan

telah dilaksanakan, tetapi masih banyak isu sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir dan ianya sering mendapat perhatian orang ramai (Nik Wan Omar et al., 2006). Ini disokong oleh kenyataan mantan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ucaputamanya di Persidangan Hala Tuju Sektor Pertanian Dan Industri Berasaskan Pertanian pada 12 ogos 2004. Beliau mengatakan:

“Malaysia merupakan salah sebuah negara yang telah dikenal pasti oleh Bank Dunia sebagai sebuah ekonomi yang berjaya namun masih terdapat masyarakat petani, penternak dan nelayan yang masih belum mengecapi nikmat pembangunan seolah-oleh mereka berada di pinggir proses pembangunan negara”.

Muhyiddin (2005) menyatakan lagi:

“walaupun negara kita mencapai pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat dan “purchasing power parity” yang tinggi, terdapat masyarakat nelayan kita masih lagi tersisih dari arus kemajuan dan kehidupan mereka adalah ibarat “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”. Ini bermakna banyak lagi yang perlu dilakukan oleh kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri dan kita perlu proaktif dan inovatif dalam merangka dasar, strategi dan program-program bagi membendung kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat tani kita.

Kebanyakan komuniti pesisir adalah terdiri daripada petani, penternak dan nelayan. Pendapatan mereka ini kurang daripada RM529 sebulan dan tergolong sebagai kategori miskin. Terdapat juga mereka yang tergolong dalam kategori miskin tegar dengan pendapatan sebanyak RM265 sebulan. Menurut Madihah dan Mohd Zulfadli (2006), satu pertiga daripada masyarakat pulau dan pesisir adalah terdiri daripada nelayan. Taraf pendidikan, pekerjaan dan pendapatan masyarakat nelayan ini masih lagi rendah berbanding dengan masyarakat bukan nelayan (Norazmi et al., 2001). Keadaan ini menjejaskan kesejahteraan sosial komuniti pesisir. Kemiskinan dalam kalangan komuniti pesisir juga telah mewujudkan pelbagai masalah sosial lain seperti keciciran dalam pelajaran, pengangguran, penyalahgunaan dadah, kecurian dan masalah jenayah lain (Nor Hayati, 2010; 2011; Ishak dan Rahman, 1997; Ungku Aziz, 1987; Wan Hashim, 1980). Oleh itu adalah penting untuk mengetahui apakah masalah sosial yang dominan berlaku dalam kawasan kajian agar ianya dapat dikawal dan diurus dengan baik dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti pesisir terlibat

Kerangka Konseptual

Masalah sosial mempunyai pengertian yang luas, ia bukan hanya mencakupi masalah kemasyarakatan tetapi juga masalah yang berkaitan dengan gejala-gejala abnormal dalam kehidupan masyarakat. Tallman dan McGee (1971) dan Abd. Hadi (2004) mentafsir masalah sosial sebagai keadaan yang tidak digemari oleh orang ramai dan perlu dibasmi, diselesai atau diperbaiki melalui tindakan bersama oleh anggota-anggota masyarakat.

Masalah sosial juga sering dikaitkan dengan keadaan tertentu seperti kemiskinan, kebuluran, jenayah dan fenomena sosiobudaya yang menghalang masyarakat daripada mengecapi potensi maksimum mereka (Eitzen, 1984) dan ketidakseimbangan dalam masyarakat sehingga unit tersebut mengklasifikasikan individu sebagai devian (Becker, 1967). Tingkah laku devian merujuk kepada aktiviti yang mengambil tempat dalam masyarakat serta tindakan atau perbuatan melanggar norma-norma yang wujud dalam masyarakat, komuniti dan organisasi bagi tempoh tertentu. Tingkah laku devian adalah sesuatu yang arbitari dan wujud kerana proses perlabelan yang mengambil tempat dalam masyarakat pada hari ini. Proses perlabelan ini dilakukan dengan giat oleh unit masyarakat yang mempunyai kuasa (kerajaan tempatan, kerajaan negeri, atau mana-mana badan berkanun) kerana mereka berusaha dengan giatnya untuk mencapai 'UTOPIA' dalam perjuangan mereka (Eitzen & Zinn, 2000).

Berdasarkan penjelasan di atas, masalah sosial dapatlah ditafsirkan sebagai keadaan yang tidak digemari oleh orang ramai dan perlu dibasmi, diselesai atau diperbaiki melalui tindakan bersama oleh anggota-anggota masyarakat (Julian, 1996; Tallman and McGee, 1971; Abd. Hadi 2004). Oleh itu, masalah sosial dilihat mempunyai dua unsur utama iaitu tingkah laku yang menentang atau menyimpang daripada norma-norma masyarakat.

Manakala Eitzen dan Zinn (2000) telah mengkategorikan masalah sosial kepada dua subtopik, iaitu (i) salah laku norma dan (ii) keadaan sosial. Klasifikasi masalah sosial yang mereka buat bersifat arbitari, tetapi ia boleh membantu dalam memahami mekanisme masalah sosial. Masalah sosial yang berbentuk salah laku norma (norm violations) merujuk secara tidak langsung kepada ketidakseimbangan sosial yang mengambil tempat dalam masyarakat. Ketidakseimbangan sosial yang sering berlaku dalam masyarakat ialah seperti tercicir dari sekolah, kemiskinan, 'intellectual instability', kebuluran, jenayah, dan keganasan rumahtangga. Salah laku norma tidak mempunyai standard yang mutlak. Ini bermakna masalah sosial merupakan satu keadaan yang abstrak dan dapat dipersoalkan, serta berlaku 'double standard' dalam pengamalannya. Keadaan ini berlaku kerana masalah sosial sebenarnya bersifat subjektif dan ia boleh berubah mengikut keadaan, tempat dan masa. Mungkin pada suatu

ketika perkara yang berlaku dianggap sebagai masalah sosial dan pada masa yang lain, perkara yang sama tidak dianggap sedemikian.

Masalah sosial berbentuk keadaan sosial merujuk kepada kesukaran yang berbentuk fizikal yang dialami oleh seseorang individu. Kesukaran fizikal ini ditafsirkan sebagai kekurangan dalam bentuk material. Zinn (2000) telah merujuk kepada Teori Keperluan Diri yang dipelopori oleh Abraham Maslow bagi menjelaskan aspek yang berkaitan dengan kesukaran fizikal yang dinyatakan. Teori ini menerangkan secara mendalam mengenai set-set keperluan yang hendak dipenuhi untuk menjalani kehidupan yang selesa. Hierarki keperluan yang dibincangkan oleh Abraham Maslow ialah keperluan (i) fisiologi, (ii) keselamatan, (iii) sokongan kumpulan, (iv) penghormatan, dan (v) 'Self-actualization' (ini merujuk kepada penglibatan yang konstruktif dan kreatif dalam sebarang aktiviti yang membangun). Apabila salah satu daripada keperluan ini tidak dapat dipenuhi oleh seseorang individu, maka mereka akan mula melanggar peraturan dan norma-norma yang ditetapkan oleh masyarakat. Ini bermakna masalah sosial akan wujud apabila keperluan-keperluan yang dinyatakan tidak dipenuhi.

Terdapat beberapa kajian yang dilakukan oleh pengkaji tempatan dan luar negara mengenai masalah yang berlaku dalam komuniti pesisir di Malaysia. Antaranya ialah Syed Husin (1964), Firth (1966), Ishak (1990), Haris (2001), Jarina (2006), Abd. Hamid dan Basri (2004), Mustaffa, Ishak dan Sulong (2006), Nik Wan Omar, Mohd Shaladdin dan Wan Abd. Aziz (2006), Madihah dan Mohd Zufadli (2006), Serina dan Mohammad Rozaimi (2006), Mokhzani (2006), Abdul Rahman (2007) dan Nor Hayati (2010). Kebanyakan kajian berkenaan adalah berkaitan dengan masalah kemiskinan dan mobiliti sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir.

Ishak (1990) menjalankan kajian pada 1978–1980 untuk menganalisis proses perubahan sosial yang dialami oleh komuniti nelayan di Perupok mendapati sebahagian besar nelayan di negara ini masih hidup dalam kemunduran dan kemiskinan walaupun teknologi baru sudah diperkenalkan dan usaha membangunkan masyarakat nelayan telah dilaksanakan. Menurut Ishak (1990) perkembangan teknologi dalam perusahaan perikanan pada tahun 1960-an dan tahun 1970-an menyebabkan kaum nelayan di kawasan ini memerlukan modal yang besar. Keadaan ini menyebabkan sebahagian besar golongan nelayan-pekerja masih lagi hidup di bawah garis kemiskinan, terutamanya dalam kalangan nelayan yang bergantung sepenuhnya pada kegiatan laut untuk menyara diri dan keluarga. Kajian Abdul Malik et al. (1996) juga mendapati kemiskinan merupakan masalah utama yang dihadapi nelayan di Pantai Timur. Akibat daripada kemiskinan tersebut kebanyakan nelayan hanya mampu memiliki rumah yang kurang memuaskan, taraf pendidikan

yang rendah, kurang pemilikan harta modal, tiada atau kurang menikmati kemudahan asas dan tidak mempunyai wang simpanan.

Kajian Haris (2001) yang mengkaji tentang masalah sosial mengikut kawasan penempatan mendapati bahawa masalah sosial utama yang berlaku dalam kalangan komuniti pesisir atau nelayan ialah masalah penyalahgunaan dadah, jenayah, lepak, pergaulan bebas, kemiskinan, vandalisme dan tingkahlaku seks bebas. Haris (2001) juga mendapati salah laku penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas dan seks bebas merupakan salah laku utama yang berlaku dalam kalangan remaja dalam kawasan komuniti pesisir. Masalah penyalahgunaan dadah banyak berlaku dalam komuniti pesisir disebabkan bekalan dadah dalam pelbagai bentuk senang diperoleh. Pengedar dadah juga telah mengalihkan kegiatan mereka ke kawasan luar Bandar dan menjadikan golongan remaja sebagai sasaran mereka.

Noor Hayati (2010) yang menjalankan kajian tentang mobiliti sosial dalam kalangan komuniti pesisir pantai di Kuala Terengganu mendapati satu transformasi yang besar telah berlaku dalam komuniti pesisir. Kajian ini mendapati komuniti pesisir pantai telah mengalami satu proses mobiliti sosial serta berjaya keluar daripada kemiskinan bukan secara total tetapi dalam batasan tertentu. Nor Hayati (2010) mendapati berlaku perubahan dalam aspek pendidikan, pekerjaan, modal manusia, modal sosial, status sosial dan faktor structural dalam kalangan komuniti pesisir. Berlaku perubahan besar antara generasi dari aspek pendidikan anggota komuniti pesisir pantai ini. Pencapaian pendidikan tinggi semakin bertambah baik dalam kalangan anak-anak komuniti pesisir. Berikutan itu, pekerjaan utama dalam kalangan anak-anak komuniti pesisir juga turut berubah. Sumber rezeki dan pekerjaan komuniti pesisir yang berasaskan laut semakin berkurangan. Ramai kalangan anak-anak komuniti pesisir yang menceburi pekerjaan seperti menjadi buruh, pentadbiran dan perniagaan. Peningkatan penyertaan komuniti pesisir pantai dalam sector-sektor pekerjaan di daratan adalah disebabkan peluasan sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan hasil dari kemajuan pembangunan di sekitar kawasan kediaman komuniti telah membentuk lebih banyak peluang pekerjaan untuk tenaga kerja.

Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bentuk-bentuk masalah sosial yang berlaku dalam komuniti di Kampung Nelayan Kandis, Bachok dan Kampung Baru Nelayan, Tumpat, Kelantan. Kedua-dua kampung ini dipilih sebagai lokasi kajian kerana ianya merupakan kawasan penempatan semula komuniti pesisir yang miskin dari Daerah Bachok dan Tumpat Kelantan. Secara

keseluruhannya, terdapat sebanyak 410 buah keluarga di kedua-dua kampung berkenaan. Kajian ini melibatkan seramai 250 orang ketua keluarga telah dipilih secara rawak mudah sebagai responden kajian, iaitu seramai 90 orang dari Kampung Nelayan Kandis dan 160 orang dari Kampung Baru Nelayan, Tumpat. Senarai nama ketua keluarga bagi setiap kampung yang terpilih diperoleh daripada Bilik Gerakan Gerakan Desa Wawasan (GDW) yang ada di kedua-dua kampung berkenaan. Responden yang terpilih mempunyai latar belakang yang pelbagai dari segi umur, jantina, tahap pendidikan, pekerjaan dan pendapatan. Maklumat kajian ini diperoleh tinjauan menggunakan borang soal selidik. Dalam proses pengumpulan maklumat ini pengkaji menemubual secara bersemuka setiap orang responden yang terpilih berasaskan soalan-soalan yang terdapat dalam borang soalselidik. Pemerhatian turut dilakukan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan penyediaan kemudahan infrastruktur di kedua-dua kampung terlibat. Maklumat yang diperoleh melalui borang soalselidik dianalisis menggunakan perisian komputer "*Statistical Package for the Social Science*" (SPSS). Maklumat dibentang dalam bentuk taburan dan peratusan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan secara ringkas latarbelakang responden kajian, bentuk-bentuk masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir. Perbincangan bentuk masalah sosial dikategorikan kepada dua. Pertama, masalah sosial dalam bentuk keadaan sosial. Kedua, masalah sosial dalam bentuk tingkah laku anti sosial.

Latar belakang Responden

Secara keseluruhannya penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar (77.2 %) responden berumur lebih daripada 40 tahun (Jadual 1). Sebilangan besar daripada mereka adalah lelaki (80.0 %). Secara keseluruhannya tahap pendidikan mereka masih lagi rendah, dimana lebih daripada separuh (50.8 %) hanya bersekolah setakat sekolah rendah sahaja. Malahan terdapat sebilangan kecil (10.4 %) daripada mereka yang tidak pernah bersekolah. Hanya segelintir sahaja (1.2 %) daripada mereka yang mempunyai pendidikan tertinggi sehingga ke tahap Universiti atau Maktab. Disebabkan oleh tahap pendidikan yang rendah, majoriti daripada mereka bekerja sebagai petani (25.2 %) dan berniaga (19.6 %) secara kecil-kecilan. Walau bagaimanapun, penemuan kajian menunjukkan sebilangan besar daripada mereka (71.2 %) memperoleh pendapatan di atas garis kemiskinan. Walau bagaimanapun ramai (28.8 %) juga yang masih tergolong sebagai miskin dengan pendapatan di bawah Garis Kemiskinan.

Jadual 1

Maklumat Latar Belakang Responden

Latar Belakang	Kampung Nelayan Kandis		Kampung Nelayan Tumpat		Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Umur						
< 29 Tahun	6	6.7	7	4.4	13	5.2
30 – 40 tahun	12	13.3	32	20.0	44	17.6
41 – 50 tahun	11	12.2	58	36.3	69	27.6
51 – 60 tahun	32	35.6	33	20.6	65	26.0
≥ 61 tahun	29	32.2	30	18.8	59	23.6
Jumlah	90	100.0	160	100.0	250	100.0
Jantina						
Lelaki	74	82.2	126	78.8	200	80.0
Perempuan	16	17.8	34	21.2	50	20.0
Jumlah	90	100.0	160	100.0	250	100.0
Tahap Pendidikan						
Tidak sekolah	15	16.7	12	7.5	27	10.8
Sekolah Agama	0	0	1	0.6	1	0.4
Sekolah Rendah	41	45.6	36	22.5	77	30.8
Sek. Menengah Rendah	20	22.2	107	66.9	127	50.8
Sek. Menengah Atas	13	14.4	2	1.3	15	6.0
Universiti/maktab	1	1.1	2	1.3	3	1.2
Jumlah	90	100	160	100	250	100
Pekerjaan Utama						
Tiada Pekerjaan	1	1.1	2	1.3	3	1.2
Tanam Tembakau	19	4.1	0	0	19	7.6
Petani	62	68.9	1	0.6	63	25.2
Jual Kuih	0	0	1	0.6	1	0.4
Berniaga	1	1.1	48	30.0	49	19.6
Nelayan	1	1.1	30	18.8	31	12.4
Swasta	1	1.1	12	7.5	13	5.2
Kilang	1	1.1	12	7.5	13	5.2
Kerajaan	2	2.2	10	6.3	12	4.8
Buruh	1	1.1	30	18.8	31	12.4
Jual Ikan	0	0	1	0.6	1	0.4

(sambungan)

Latar Belakang	Kampung Nelayan Kandis		Kampung Nelayan Tumpat		Keseluruhan	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Suri Rumah	1	1.1	5	3.1	6	2.4
Menjaga Bayi	0	0	1	0.6	1	0.4
Pemandu Teksi	0	0	1	0.6	1	0.4
Menternak Ikan	0	0	2	1.3	2	0.8
Pencen	0	0	4	2.5	4	1.6
Jumlah	90	100	160	100	250	100
Pendapatan						
RM ≤ 460	12	13.3	2	1.3	14	5.6
RM 461 – 760	41	45.6	17	10.6	58	23.2
RM 761 – 1060	23	25.6	42	26.3	65	26.0
RM 1061 – 1360	8	8.9	32	20.0	40	16.0
RM 1361 – 1660	1	1.1	36	22.5	37	14.8
RM ≥ 1661	5	5.6	31	19.4	36	14.4
Jumlah	90	100	160	100	250	100

Masalah Sosial dalam Bentuk Keadaan Sosial

Penemuan kajian menunjukkan masalah sosial dalam bentuk keadaan sosial yang banyak berlaku dalam komuniti pesisir ialah masalah pengangguran (82.4 %), masalah kemiskinan hidup (76.0 %), masalah bekalan air bersih (31.2 %) dan masalah kesihatan (24.4 %) (Jadual 2). Selain itu, masalah sosial lain yang agak ketara berlaku dalam komuniti pesisir ialah seperti sekolah (23.2 %) dan TADIKA (20.4 %) yang jauh, masalah bekalan elektrik (21.2 %) dan harga barang yang mahal.

Masalah pengangguran adalah masalah yang paling banyak berlaku dalam kawasan komuniti pesisir. Mengikut International Labour Office (ILO) (1993) pengangguran ditakrifkan sebagai satu keadaan yang mana individu itu tidak mempunyai pekerja, kelayakan untuk bekerja dan juga individu yang sedang mencari pekerjaan. Seramai 82.4 peratus responden yang terlibat dalam kajian ini menyatakan masalah pengangguran berlaku di tempat mereka (Jadual 2). Masalah ini banyak berlaku dalam komuniti pesisir kerana kurang peluang pekerjaan, terutamanya kepada generasi muda. Generasi muda juga kurang berminat untuk terlibat dalam bidang pekerjaan tradisional seperti nelayan dan petani (Nor Hayati 2010). Selain itu, pengangguran yang berlaku dalam komuniti pesisir ini juga disebabkan oleh tahap pendidikan yang rendah dikalangan penduduk dalam komuniti pesisir. Keadaan ini dibuktikan dari

Jadual 2

Masalah Sosial dalam Bentuk Keadaan Sosial dalam Komuniti Pesisir

Insiden Sosial	Kampung Nelayan Kandis						Kampung Nelayan Tumpat						Keseluruhan						
	Ada			Tiada			Ada			Tiada			Ada			Tiada			
	Bil	%		Bil	%		Bil	%		Bil	%		Bil	%		Bil	%		
Keadaan Sosial																			
Kemiskinan Hidup	56	62.2	34	37.8	134	83.8	26	16.3	190	76.0	60	24.0							
Penganguran	73	81.1	17	18.9	133	83.1	27	16.9	206	82.4	44	17.6							
Penyisihan Sosial	15	16.7	75	83.3	3	1.9	157	98.1	18	7.2	232	92.8							
Diskriminasi	8	8.9	82	91.1	1	0.6	159	99.4	9	3.6	241	96.4							
Sek. Jauh	16	17.8	74	82.2	42	26.3	118	73.8	58	23.2	192	76.8							
TADIKAJauh	4	4.4	86	95.6	47	29.4	113	70.6	51	20.4	199	79.6							
Kesihatan	33	36.7	57	63.3	28	17.5	132	82.5	61	24.4	189	75.6							
Harga barang mahal	31	34.4	59	65.6	19	11.9	141	88.1	50	20.0	200	80.0							
Bekalan Air	43	47.8	47	52.2	35	21.9	125	78.1	78	31.2	172	68.8							
Bekalan Elektrik	21	23.3	69	76.7	32	20.0	128	80.0	53	21.2	197	78.8							
Kem. Pengangkutan	23	25.6	67	74.4	12	7.5	148	92.5	35	14.0	215	86.0							
Telefon Awam	29	32.2	61	67.8	6	3.8	154	96.3	35	14.0	215	86.0							
Pejabat Pos	35	38.9	55	61.1	2	1.3	158	98.8	37	14.8	213	85.2							

hasil kajian yang diperoleh di mana terdapat 50.8 peratus sahaja responden kajian yang mendapat pendidikan di peringkat sekolah menengah (Jadual 2). Oleh kerana kurang peluang perkerjaan dan kurang minat generasi muda dalam bidang perkerjaan tradisional seperti nelayan dan petani serta tahap pendidikan yang rendah telah menyebabkan berlakunya pengangguran dalam komuniti pesisir di penempatan semula.

Insiden sosial kedua yang banyak berlaku dalam komuniti pesisir ialah masalah kemiskinan. Hasil kajian menunjukkan kewujudan masalah kemiskinan hidup dalam komuniti pesisir di nyatakan oleh seramai 76.0 peratus responden (Jadual 2). Masalah kemiskinan ini berkait dengan masalah kurang peluang pekerjaan dan pengangguran yang berlaku dalam komuniti pesisir. Kebanyakan penduduk di kawasan pesisir pantai masih meneruskan pekerjaan lama mereka sebagai petani (25.5 %). Walaupun terdapat penduduk yang mula menceburi bidang perniagaan tetapi perniagaan yang diceburi adalah secara kecil-kecilan seperti membuka kedai runcit. Kemiskinan yang berlaku dalam komuniti ini juga berkait rapat dengan pendapatan isi rumah komuniti pesisir. Keadaan ini dibuktikan dengan hasil kajian yang diperoleh menunjukkan kebanyakan pendapatan isi rumah adalah antara RM 761.00 hingga 1060.00 sebulan. Malahan terdapat juga sebilangan penduduk yang mendapat pendapatan bulanan di bawah RM 460.00 mereka ini tergolong dalam kategori miskin tegar (Jadual 1).

Masalah bekalan air bersih juga merupakan isu yang agak kritikal berlaku dalam komuniti pesisir. Air bersih merupakan salah satu keperluan asas manusia. Kerajaan telah lama berusaha untuk membekalkan air bersih kepada penduduk di kawasan luar bandar. Penemuan kajian menunjukkan terdapat 31.2 peratus responden yang menyatakan bahawa mereka mengalami masalah berkaitan dengan penerimaan bekalan air bersih (Jadual 2). Masalah air ini biasanya berkaitan dengan aspek gangguan bekalan air, bekalan air sering tidak mencukupi, tekanan air yang rendah dan kualiti air yang dibekalkan ke tempat mereka kurang memuaskan.

Kerajaan telah berusaha untuk menyediakan perkhidmatan membekal air bersih bagi menjamin tahap kesihatan komuniti yang lebih baik. Usaha kerajaan ini bermula sebelum merdeka lagi. Dalam tempoh 10 tahun selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan, peratusan kawasan yang menerima bekalan air bersih bagi kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia telah meningkat daripada 39 peratus pada tahun 1970 kepada 42.7 peratus pada tahun 1980 (Asnarulkhadi, 2004). Kerajaan juga telah melaksanakan skim bekalan air secara graviti dan telaga yang dilengkapi dengan sistem penyaluran serta sistem takungan air hujan di kawasan-kawasan yang terpencil dalam Rancangan Malaysia Keempat (RMK4). Selaras dengan dasar kerajaan untuk memastikan bekalan air bersih dapat disalurkan ke kawasan luar bandar,

sejumlah RM734 juta telah dibelanjakan untuk program bekalan air luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8). Program ini melibatkan penyambungan paip daripada paip utama bekalan air awam ke kawasan luar bandar, menaik taraf Loji Rawatan Air (LRA) dan sistem bekalan air sedia ada serta membina sistem retikulasi.

Kerajaan telah berusaha untuk menyediakan perkhidmatan membekal air bersih bagi menjamin tahap kesihatan komuniti yang lebih baik. Usaha kerajaan ini bermula sebelum merdeka lagi. Dalam tempoh 10 tahun selepas DEB diperkenalkan, peratusan kawasan yang menerima bekalan air bersih bagi kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia telah meningkat daripada 39 peratus pada tahun 1970 kepada 42.7 peratus pada tahun 1980 (Asnarulkhadi, 2004). Kerajaan juga telah melaksanakan skim bekalan air secara graviti dan telaga yang dilengkapi dengan sistem penyaluran serta sistem takungan air hujan di kawasan-kawasan yang terpencil dalam Rancangan Malaysia Keempat (RMK4). Selaras dengan dasar kerajaan untuk memastikan bekalan air bersih dapat disalurkan ke kawasan luar bandar, sejumlah RM734 juta telah dibelanjakan untuk program bekalan air luar bandar dalam RMK8. Program ini melibatkan penyambungan paip daripada paip utama bekalan air awam ke kawasan luar bandar, menaik taraf Loji Rawatan Air (LRA) dan sistem bekalan air sedia ada serta membina sistem retikulasi. Selain itu, dua rang undang-undang telah dirangka dalam RMK8 bertujuan untuk mewujudkan industri perkhidmatan air yang cukup dan berkesan. Kerajaan juga telah menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sebagai badan kawal selia perkhidmatan air (Rancangan Malaysia Kelapan, 2001).

Masalah kesihatan juga merupakan masalah yang banyak berlaku dalam komuniti pesisir. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mentakrifkan kesihatan sebagai suatu keadaan fizikal, mental dan kehidupan sosial yang sempurna tanpa sebarang penyakit atau ketidakupayaan. Hasil kajian yang menunjukkan terdapat 24.4 peratus responden menyatakan bahawa masalah kesihatan merupakan salah satu insiden sosial yang banyak berlaku di tempat mereka (Jadual 2). Melalui pemerhatian yang dibuat juga mendapati bahawa Kampung Nelayan Kandis dan Kampung Baru Nelayan Tumpat tidak mempunyai kemudahan prasarana kesihatan seperti klinik desa, pusat kesihatan dan juga farmasi. Kebanyakan penduduk kampung ini terpaksa pergi ke pekan berdekatan untuk mendapat rawatan kesihatan di klinik swasta atau klinik kerajaan.

Masalah kesihatan turut berkait dengan tahap pendidikan komuniti pesisir yang rendah. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila terdapat sebilangan responden yang menyatakan masih lagi terdapat ahli komuniti pesisir yang mendapatkan khidmat bomoh semasa sakit. Walau bagaimanapun masyarakat di negeri Kelantan telah mula menikmati perkhidmatan dan rawatan perubatan

moden dengan berkembangnya sistem penyampaian kesihatan ke kawasan luar bandar. Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan telah mengendalikan beberapa program kesihatan dalam bentuk perkhidmatan rawatan, pencegahan dan pendidikan. Program-program kesihatan di luar bandar dikendalikan menerusi hospital daerah, pusat kesihatan, klinik desa dan kumpulan kesihatan bergerak. Terdapat pelbagai program kesihatan telah dikendalikan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan sama ada dalam bentuk rawatan dan perkhidmatan pencegahan melalui klinik-klinik desa, perkhidmatan kesihatan bergerak dan juga melalui Unit Kawalan Vektor untuk mencegah penyakit berjangkit daripada merebak. Perkhidmatan kesihatan juga membekalkan alatan seperti tandas curah dan saliran air bersih ke rumah-rumah. Selain itu, Kementerian Kesihatan telah melancarkan program pemakanan melalui kempen anti-malnutrisi dan Program Kekurangan Zat Makanan untuk rakyat termiskin.

Terdapat beberapa institusi yang telah membantu proses penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di negeri Kelantan. Institusi tersebut ialah hospital, pejabat kesihatan, klinik kesihatan, klinik desa, klinik pergigian, klinik swasta dan farmasi. Sehingga kini terdapat kira-kira lapan buah hospital kerajaan, dua buah hospital swasta, 10 buah pejabat kesihatan, 59 buah klinik kesihatan, 203 buah klinik desa, 48 buah klinik pergigian dan 182 buah klinik swasta yang memberi perkhidmatan kesihatan dan pergigian kepada masyarakat di negeri Kelantan (<http://www.kelantan.gov.my/index.php?q=kesihatan>, 2012).

Klinik desa menawarkan perkhidmatan kesihatan dari segi penjagaan kesihatan keluarga dan rawatan pesakit luar. Perkhidmatan kesihatan keluarga dan perkhidmatan pesakit luar melibatkan aspek penjagaan kesihatan yang meliputi pencegahan, promosi, rawatan dan pemulihan kepada ibu, bayi dan kanak-kanak. Perkhidmatan ini bertujuan untuk meningkat dan mengekalkan kesihatan wanita dalam golongan umur reproduktif, kesihatan optimum dan pembangunan kanak-kanak sehingga ke peringkat umur meninggalkan sekolah. Selain itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan taraf pemakanan masyarakat supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih sihat dan produktif. Perkhidmatan kesihatan keluarga merangkumi aktiviti jagaan semasa hamil, perbidanan semasa di rumah, jagaan selepas bersalin, jagaan bayi baru lahir, jagaan kanak-kanak 1 hingga 4 tahun dan kanak-kanak prasekolah, jagaan kanak-kanak sekolah, perancang keluarga, pendidikan kesihatan, pemakanan, latihan, penyediaan dan penilaian.

Masalah Sosial dalam Bentuk Tingkah laku Anti Sosial

Tingkah laku devian atau antisosial adalah merujuk kepada aktiviti yang mengambil tempat dalam masyarakat serta tindakan atau perbuatan melanggar norma-norma yang wujud dalam masyarakat, komuniti dan organisasi bagi

tempoh tertentu (Eitzen dan Zinn, 2000). Secara keseluruhannya hasil kajian menunjukkan terdapat lima tingkah laku antisosial yang banyak berlaku dalam kawasan komuniti pesisir. Tingkah laku tersebut ialah penyalahgunaan dadah atau ganja (96.0 %), mencuri (93.6 %), mengambil pil khayal (83.2 %) dan lepak (54.4 %) (Jadual 3). Selain itu terdapat lagi beberapa tingkah laku antisosial lain yang berlaku dalam komuniti pesisir seperti minum arak, merosakkan harta awam, pergaduhan, kesalahan seksual (khalwat, menonton bahan lucah), jenayah kanak-kanak, samseng, bertumbuk, ajaran sesat, rogol, peras ugut dan lari dari rumah.

Penyalahgunaan dadah dan ganja merupakan masalah anti sosial yang paling banyak dinyatakan berlaku dalam komuniti pesisir (Jadual 3). Keadaan ini berlaku kemungkinan disebabkan bekalan dadah dalam pelbagai bentuk senang diperolehi di kawasan luar bandar (Haris, 2001). Kemudahan memperoleh bekalan dadah di kawasan luar bandar mungkin disebabkan pengedar dadah telah mengalihkan sasaran kegiatan mereka ke kawasan luar bandar. Pengedar-pengedar dadah ini telah menjadikan remaja di luar bandar sebagai golongan sasaran mereka. Kedua-dua kampung kajian iaitu Kampung Nelayan Kandis dan Kampung Baru Nelayan Tumpat merupakan kawasan luar bandar dan bersempadan dengan negara Thailand yang mana telah memudahkan bekalan dadah diperolehi dengan mudah di kedua-dua kampung. Perangkaan juga menunjukkan insiden penagihan dadah di Malaysia meningkat dari tahun ke tahun. Mengikut Mahmood Nazar et. al (2000) dalam jangka masa sepuluh tahun (1988–1997) terdapat peningkatan bilangan penagih dadah yang besar, iaitu daripada 25,205 kepada 36,284 orang (43.9 %). Walau bagaimanapun, perangkaan yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) menunjukkan berlakunya penurunan bilangan penagih dadah daripada tahun 2010 hingga 2013. Menurut AADK (2011) pada tahun 2010 sahaja terdapat kira-kira 23,642 orang penagih dadah di Malaysia. Bilangan tersebut menurun kepada 11,194 orang pada tahun 2011. Bilangan tersebut terus berkurangan menjadi 9,015 orang pada tahun 2012 dan 7,864 orang pada tahun 2013 (AADK 2012, 2013). Bilangan ini meliputi penagih baru dan penagih berulang yang dikesan oleh Unit Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI). Antara punca yang menyebabkan seseorang itu terjebak dengan penyalahgunaan dadah ialah pengaruh kawan, perasaan ingin tahu atau mencuba, keseronokan, tekanan jiwa, rangsangan, menahan sakit lain-lain lagi (AADK, 2013).

Selain penyalahgunaan dadah, mencuri merupakan aktiviti salah laku atau jenayah yang kedua banyaknya berlaku dalam komuniti pesisir. Keadaan ini dibuktikan dengan hasil keseluruhan kajian yang menunjukkan terdapat 93.6% responden menyatakan kejadian kecurian merupakan antara masalah yang banyak berlaku di tempat mereka (Jadual 3). Kes kecurian berlaku dalam komuniti pesisir berkait rapat dengan faktor penyalahgunaan dadah di kawasan

Jadual 3

Masalah Tingkah laku Anti Sosial dalam Komuniti Pesisir

Tingkah laku antisosial	Kampung Nelayan Kandis				Kampung Nelayan Tumpat				Keseluruhan			
	Ada		Tiada		Ada		Tiada		Ada		Tiada	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Jenayah Kanak-kanak	6	6.7	84	93.3	0	0	160	100	6	2.4	244	97.6
Rogol	3	3.3	87	96.7	0	0	160	100	3	1.2	247	98.8
Curi	74	82.2	16	17.8	160	100	0	0	234	93.6	16	6.4
Merosakkan Harta Awam	10	11.1	80	88.9	0	0	160	100	10	4.0	240	96.0
Pergaduhan	10	11.1	80	88.9	1	0.6	159	99.4	11	4.4	239	95.6
Bertumbuk	5	5.6	85	94.4	4	2.5	156	97.5	9	3.6	241	96.4
Samseng	6	6.7	84	93.3	0	0	160	100	6	2.4	244	96.6
Peras Ugut	2	2.2	88	97.8	0	0	160	100	2	0.8	248	99.2
Kesalahan Seksual	10	11.1	80	88.9	0	0	160	100	10	4.0	240	96
Penyalahgunaan Dadah	80	88.9	10	11.1	160	100	0	0	240	96.0	10	4.0
Mengambil Pil Khayal	48	53.3	42	46.6	160	100	0	0	208	83.2	42	16.8
Minum Arak	19	21.1	71	78.9	0	0	160	100	19	7.6	231	92.4
Lepak	33	36.7	57	63.3	103	64.4	57	35.6	136	54.4	114	45.6
Lari Dari Rumah	2	2.2	88	97.8	0	0	160	100	2	0.8	248	99.2
Amuk	0	0	90	100	0	0	160	100	0	0	250	100

komuniti pesisir. Ramai generasi muda dalam komuniti pesisir tidak mempunyai perkerjaan. Bagi mendapatkan bekalan dadah untuk kegunaan sendiri mereka terpaksa mencuri. Kesan daripada keadaan ini telah menyebabkan berlakunya banyak kes kecurian dalam kedua-dua kampung.

Tingkah laku mencuri dan jenayah harta benda lain yang berlaku dalam masyarakat selalunya berkait dengan aktiviti penyalahgunaan dadah. Perangkaan Polis DiRaja Malaysia menunjukkan pada tahun 1983 terdapat sebanyak 15296 kes penjenayah di penjara. Daripada jumlah tersebut didapati 6535 kes terlibat dengan dadah. Manakala pada tahun 1985 pula sebanyak 18096 kes penjenayah di penjara dan sebanyak 7486 kes terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Laporan AADK (1996) pula mendapati bahawa 43.7 peratus daripada keseluruhan banduan di penjara adalah terdiri daripada penagih dan pengedar dadah. Yahya (2000) yang memetik Bureau of Justice Statistic (1992) mendapati bahawa penagihan dadah mendorong manusia melakukan jenayah dalam tiga keadaan, iaitu: pertama, dadah menyebabkan seseorang itu bertindak melakukan jenayah. Kedua, kos dadah akan menyebabkan penggunaanya melakukan jenayah untuk menyara tabiat ketagihan. Ketiga, keganasan yang bercirikan pengguna dan penyalahgunaan dadah mempunyai hubung kait dengan pengedaran dadah.

Pengambilan pil khayal juga merupakan satu lagi bentuk salah laku sosial yang banyak berlaku dalam komuniti pesisir. Keadaan ini dibuktikan dengan hasil kajian yang menunjukkan terdapat 83.2% responden menyatakan bahawa masalah ini banyak berlaku di kawasan tempat tinggal mereka (Jadual 3). Pil khayal merupakan dadah jenis Stimulan (ATS) dan tergolong dalam ketogeri dadah. Dadah jenis ini terdiri daripada pil Ecstasy/MDMA, Methamphetamine/syabu dan Amphetamine (AADK, 2007). Pengambilan pil khayal banyak berlaku di kedua-dua kampung disebabkan bekalan pil khayal yang mudah diperolehi dari negara jiran iaitu Thailand. Kebanyakan anak muda di kedua-dua kampung merupakan mereka yang berpendidikan rendah dan mudah terpengaruh dengan ajakan kawan-kawan untuk mengambil pil khayal.

Perangkaan AADK menunjukkan bahawa pada tahun 2006 terdapat seramai 2865 orang penghuni Pusat Serenti (sekarang dikenali sebagai PUSPEN) adalah terdiri daripada mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan pil khayal ini. Walau bagaimanapun bilangan tersebut berkurangan kepada 1490 orang pada tahun 2007. Bilangan mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan pil khayal di Pusat Serenti meningkat kepada 1987 orang pada tahun 2008 (AADK, 2008). Pil khayal ini selalunya digunakan di pusat-pusat hiburan atau disko "techno," sejenis muzik yang rancak, bingit, berulang-ulang dan dicipta sepenuhnya oleh mesin, bukannya oleh alat muzik yang biasa. Dadah jenis ini tidak sesuai digunakan untuk disko dangdut, muzik R & B

atau dondang sayang. Di dalam disko “techno”, pengguna pil khayal tidak menari, sudah memadai menggerak-gerakkan kepala seorang diri. Penagih ini tidak minum, tidak berbual dan berada dalam khayalan sepenuhnya. Gerakan kepala yang bertubi-tubi itu dirangsang semata-mata oleh alunan jenis muzik ini. Apabila muzik ini dihentikan, goncangan kepala itu dikurangkan atau dihentikan. Pengguna pil khayal akan mati jika tidak mengambil air kerana faktor kehausan atau dehydration (kekurangan air di dalam badan). Namun, pengguna pil khayal tidak menyedari apa-apa untuk mengambil pil khayal tersebut. Selalunya pil ini digunakan oleh anak-anak muda yang gilakan muzik rancak dan menggila (sesuai dengan rentak “techno”, selalu berkunjung ke disko. Kesan ketagihannya akan hilang dalam tempoh beberapa jam.

Satu lagi masalah tingkahlaku sosial yang banyak berlaku dalam komuniti pesisir ialah masalah lepak. Istilah lepak adalah merujuk kepada tingkah laku masyarakat khususnya remaja yang suka menghabiskan masa lapang di tempat awam seperti kompleks membeli belah, perhentian pengangkutan awam dan tempat tumpuan orang ramai dikenali sebagai aktiviti lepak. Keadaan ini dibuktikan oleh hasil kajian yang menunjukkan terdapat 54.4% responden yang menyatakan bahawa lepak merupakan tingkah laku antisosial yang banyak berlaku dalam komuniti mereka (Jadual 3). Keadaan ini berlaku disebabkan kebanyakan generasi muda di kedua-dua kampung merupakan penganggur dan tidak mempunyai sebarang perkerjaan. Dengan ini telah menyebabkan berlakunya gejala lepak dalam komuniti pesisir.

Masalah lepak telah menjadi satu budaya kepada golongan remaja khususnya. Azizi et al. (2001) menyatakan bahawa pihak media massa mendapati pemimpin negara, masyarakat tempatan dan individu telah meletakkan lepak di kalangan remaja ini sebagai salah satu aktiviti sosial dan budaya yang setanding dengan isu penyalahgunaan dadah, penyakit AIDS dan pembuangan anak (<http://eprints.utm.my/2288/1/lepak.pdf>). Azizi et al. (2001) yang memetik hasil kajian yang dibuat oleh Razali (1994) mendapati bahawa melepak adalah disebabkan oleh ibu bapa yang tidak prihatin terhadap anak-anak mereka. Akibatnya, tiada wujud keharmonian di dalam keluarga sehingga anak-anak dibiarkan bergaul bebas tanpa kawalan. Penemuan ini adalah hampir sama dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Mansor et al. (2000), Abd. Hadi et al. (2000), Rozumah et al. (2000) dan Suradi et al. (2000).

Masalah minum arak juga merupakan tingkahlaku antisosial yang berlaku dalam komuniti pesisir. Pemabuk atau kaki botol adalah gelaran yang sering diberikan kepada mereka yang terlibat dalam aktiviti minum arak. Minuman beralkohol terdapat dalam pelbagai bentuk seperti bir, wain, brandi, wiski dan lain-lain. Keadaan ini dibuktikan dengan hasil kajian yang menunjukkan terdapat 7.6% responden menyatakan masalah ketagihan dan minum arak banyak berlaku dalam kampung mereka (Jadual 3).

Selain kesan fizikal, mereka yang ketagih alkohol juga boleh mendapat kesan kepada tingkah laku dan emosi. Kementerian Kesihatan Malaysia KKM menjelaskan kesan tingkah laku akibat ketagihan alkohol boleh menyebabkan seseorang itu melakukan sesuatu di luar batas kawalannya seperti memandu terlalu laju dan amalan-amalan lain yang merbahaya. Kesan dari aspek emosi pula dapat dilihat daripada aspek perubahan ragam atau mood seperti marah, ganas, murung dan mungkin ke peringkat ingin membunuh diri dengan pengambilan alkohol yang berlebihan. Penagihan alkohol juga boleh mengakibatkan hilang daya ingatan dan kewarasan (paras pengambilan alkohol yang tinggi menghalang daya ingatan yang baik).

Penutup

Masalah sosial merupakan satu fenomena yang tidak dapat dielakkan daripada berlaku dalam mana-mana komuniti. Penemuan kajian menunjukkan terdapat pelbagai bentuk masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir. Masalah sosial tersebut boleh dikategorikan kepada dua iaitu, masalah dalam bentuk keadaan sosial dan masalah dalam bentuk tingkah laku antis sosial. Antara masalah dalam bentuk keadaan sosial yang banyak berlaku dalam komuniti pesisir ialah pengangguran, kemiskinan, bekalan air bersih dan masalah kesihatan. Manakala masalah dalam bentuk tingkahlaku antisosial pula ialah masalah penyalahgunaan dadah dan ganja, mencuri, mengambil pil khayal dan lepak. Kejadian masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir ini adalah saling berkait antara satu sama lain. Atau dengan kata lain setiap masalah sosial yang berlaku merupakan faktor risiko kepada masalah sosial yang lain. Sesuatu bentuk keadaan sosial atau tingkahlaku anti sosial boleh membiakkan masalah sosial lain dalam masyarakat. Oleh itu, usaha-usaha membasmi masalah sosial dalam komuniti pesisir memerlukan kerjasama bersungguh-sungguh daripada semua pihak.

Pengurusan kepada masalah sosial yang berlaku merupakan salah satu indikator penting dalam memastikan kesejahteraan sosial komuniti pesisir berada dalam keadaan yang baik. Usaha-usaha untuk mengurus dan mengawal masalah sosial dalam komuniti pesisir perlu dikoordinasi secara menyeluruh. Pekerja sosial komuniti adalah antara pihak yang boleh dipertanggungjawab untuk mengkoordinasikan usaha-usahamencegah, mengawal dan menyelesaikan masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir. Pekerja komuniti dapat membantu menangani masalah sosial yang berlaku dalam komuniti pesisir melalui penggunaan sumber-sumber yang sedia ada dalam komuniti pesisir. Penggunaan sumber-sumber yang sedia ada dalam komuniti akan menguatkan komuniti pesisir dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup dalam kalangan ahli komuniti berkenaan. Amalan kerja komuniti memerlukan kerjasama antara pekerja komuniti dan penduduk setempat. Keperluan pekerja

komuniti yang khusus untuk berkhidmat dengan komuniti pesisir perlu kerana masalah dan keperluan komuniti pesisir mungkin berbeza dengan masalah dan keperluan komuniti lain. Oleh itu, pekerja komuniti yang mampu menilai masalah dan keperluan sebenar komuniti pesisir amat diperlukan. Pekerja komuniti yang dilantik perlu mampu untuk melakukan penilaian keperluan yang khusus mengenai komuniti pesisir agar dasar dan strategi yang dirancang untuk pembangunan komuniti pesisir berkesan dan mapan.

Rujukan

- Abd. Hadi Zakaria. (2004). Ketiadaan reaksi masyarakat terhadap kelakuan anti sosial. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 3(1), 71-82.
- Abd. Hadi Zakaria, Faizah Yunus & Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2000). *Laporan kajian tingkah laku remaja di Johor*. Yayasan Pembangunan Keluarga Johor.
- Abd. Hamid Jaafar & Basri Abdul Talib. (2004). *Indicator for livelihood impact of fishery in the West Coast of Peninsular Malaysia*. Prosiding Persidangan Pertama Pembangunan Komuniti Pulau dan Pesisir Pantai (2006), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Abdul Malik Ismail, Chamhuri Siwar, Basri Abdul Talib & Nik Hashim Mustapa. (1996). Kemiskinan nelayan di kawasan pembangunan nelayan, Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Dalam Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj. Idris (Eds.), *Kemiskinan dalam arus pembangunan ekonomi Malaysia* (203–220). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. (2007). *Pembangunan negara komuniti dan insan melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2012). [http://www.adk.gov.my/html/laporandadah/2013/ Laporan%20Dadah%20Bulan%20Disember%202013.pdf](http://www.adk.gov.my/html/laporandadah/2013/Laporan%20Dadah%20Bulan%20Disember%202013.pdf)
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2012). [http://www.adk.gov.my/html/laporandadah/2012/ Laporan%20Dadah%20Dis%202012.pdf](http://www.adk.gov.my/html/laporandadah/2012/Laporan%20Dadah%20Dis%202012.pdf)
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2011). <http://www.adk.gov.my/html/laporandadah/2011/Laporan%20Dadah%20Bulan%20Disember%202011.pdf>
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2008). *Laporan Dadah 2008*. Kuala Lumpur
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2007). *Laporan Dadah 2007*. Kuala Lumpur
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (1996). *Laporan Dadah 1996*. Kuala Lumpur
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2004). Peranan kerajaan dalam membangunkan golongan berpendapatan rendah. Dalam Mohd Amim Othman &

- Nurizan Yahya (Eds.), *Golongan berpendapatan rendah: Realiti dan cabaran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Azizi Yahya, Jamaluddin Ramli dan Yusof Boon. (2001). *Masalah lepak di kalangan remaja di Johor Bharu: Sejauh manakah remaja Melayu terlibat*. eprints.utm.my/3864/1/Azizi_lepak.pdf□.
- Becker, E. (1967). *Beyond Alienation: A philosophy of education for the crisis of democracy*: New York, G. Braziller.
- Burgess, E. W. (1968). *The urban community*: Selected Papers from the Proceedings of the American Sociological.
- Eitzen, S. D. And Zinn, M. B. (2000). *Social problem*. (8thed). United States: A Pearson Education Company.
- Eitzen, S. D. (1984). Teaching social problems. *Social Problems*,16, 10-12.
- Firth, R. (1966). *Malay fishermen: Their peasant economy*. (2nd ed). London: Routledge and Kegan Paul.
- Haris Abd. Wahab. (2001). Masalah sosial mengikut kawasan penempatan di Malaysia. *SARJANA*, 17/18, 39-58.
- International Labour Office. (1993): *Fifteenth International Conference of Labour Statisticians*, Report of the Conference. ICLS/15/D.6 (Rev. 1). International Labour Office, Geneva 1993.
- Ishak Shari and Abdul Rahman Embong. (1997). *Laporan akhir: Kajian sosio ekonomi nelayan Johor*. Bangi: Biro Rundingan dan Inovasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Shari. (1990). *Ekonomi nelayan: Pengumpulan Modal, perubahan teknologi dan pembezaan ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jarina Mohd Jani. (2006). *Local fishermen community and the sustainable management of Redang Island Marina Park*. Prosiding Persidangan Pertama Pembangunan Komuniti Pulau dan Pesisir Pantai (2006), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Julian, J. (1977). *Social problem*. (2nd. ed.). Englewood Cliffs: Prentice-Hall
- Madiah Mohammad Shukri dan Mohd Zufadli. (2006). *Personality profiles of island and peripheral community: A case study in kampung Seberang Marang Terengganu*. Prosiding Persidangan Pertama Pembangunan Komuniti Pulau dan Pesisir Pantai 2006. Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Mahmood Nazar Mohamed, Mohd Taib Ariffin, Muhamad Dzhair Kasa dan Rusli Ahmad. (2000). *Tekanan dan "burnout" di kalangan pegawai pemulihan dan kaunselor dadah*. Prosiding Seminar Kebangsaan Kerja Sosial 1999. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Malaysia. (1992). *The Department of Statistics of Malaysia*. Kuala Lumpur: Prime Minister Department.
- Merton, R. K. (1971). *Contemporary social problem: An introduction to the sociology of deviant behaviour and social*. New York: Harcourt, Brace Jovanich.

- Miller, W. B. (1975). *Violence by youth gangs and youth group as a crime problem in major American cities*. Washington D.C: National Institute for Juvenile Justice and Delinquency Prevention Office.
- Mohamed Mansor Abdullah, Ahmad Shukri Mohd Nain, Paimah Atoma, Nik Hasnaa Nik Mahmood dan Roseyta Omar. (2000). *Kajian peranan dan tanggungjawab ibu bapa /keluarga dan masyarakat dalam pencegahan dan pemulihan dadah di Johor*. Yayasan Pembangunan Keluarga Johor.
- Mokhzani Abdul Rahim. (2006). *Credit in a Malay Peasant economy*. Kuala Lumpur: Arus Intelek and Faculty of Economics & Administration, Universiti Malaya.
- Muhyiddin Mohd Yassin. (2004). Ucaputama YB Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani, persidangan halatuju sektor pertanian dan industri berasaskan pertanian, capaian daripada [http://agrolink.moa.my/dari-meja-menteri/exco%20pertanian pada 31/12/2005](http://agrolink.moa.my/dari-meja-menteri/exco%20pertanian-pada-31-12-2005) Wisma Tani, Kuala Lumpur.
- Mustaffa Omar, Ishak Yussuf dan Sulong Mohamad. (2006). *Transisi demografi dan cabaran pembangunan ekonomi dan sosial di Pulau Tuba dan Pulau Dayang Bunting*, Langkawi: Satu analisis dari perspektif ekosistem Pulau Kecil. Prosiding persidangan pertama pembangunan komuniti pulau dan pesisir pantai 2006, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Nanthakumar dan Syahrin Said. (2004). Zon pesisir pantai: Penjana pertumbuhan ekonomi Malaysia. *Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara* Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, 9, 145-158.
- Negeri Kelantan. capaian daripada <http://www.kelantan.gov.my/index.php?q=kesihatan>. Di akses pada 2012.
- Nik Wan Omar, Mohd Shaladdin & Wan Abd Aziz. (2006). Kesejahteraan hidup nelayan pesisir. Prosiding Persidangan Pertama Pembangunan Komuniti Pulau dan Pesisir Pantai 2006, Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Norazmi A. Idris, M, N dan Osman A. (2001). Prevalence of coronary risk factors: fisherman vs non-fisherman in Tumpat Kelantan. *Sains Malaysiana*, 29,11-18.
- Nor Hayati Sa'at. (2011). Mobiliti sosial dalam kalangan komuniti pesisir pantai: Kajian kes di Kuala Terengganu. *Kajian Malaysia*, 29, 95-123.
- Nor Hayati Sa'at. (2010). Keluar dari lingkungan kemiskinan: Mobiliti sosial di kalangan komuniti pesisir pantai: Kajian kes di Kuala Terengganu. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia.
- Rancangan Malaysia Kelapan. (2001). Kuala Lumpur: Percetakan Negara Malaysia Berhad.
- Razali Che Mat. (1994). Remaja lepak semua pihak perlu campur tangan. *Dewan Siswa*, April: 30-43.
- Rozumah Baharudin, Rumaya Juhari, Rojanah Kajar & Tan Jo-Pei. (2000). *Laporan kajian keutuhan keluarga dan kesejahteraan anak*. Yayasan Pembangunan Keluarga Johor.

- Serina Rahman dan Mohammad Rozaimi Jamaludin. (2006). Community-based sustainable eco-tourism efforts in Pulau Tioman. Prosiding Persidangan Pertama Pembangunan Komuniti Pulau dan Pesisir Pantai (2006), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Suradi Salim, Rokiah talib dan Hussain Mohamed. (2000). Laporan kajian masalah sosial di tanah rancangan FELDA Johor Darul Ta'zim. Yayasan Pembangunan Keluarga Johor.
- Sustainable Development Strategy fo the Seas of East Asia. (2005). <http://www.iwlearn.net/>. Diakses pada 1 September 2006.
- Syed Husin Ali.(1964). Social stratification in Kampong Bagan: A study of class, status, conflict and mobility in a rural Malay community. Singapore: Malaysia Printers Limited.
- Tallman, I., dan McGee, R. (1971). Definition of social problem. Dalam Smigel, E. O. (ed). Handbook on the study of social problems. Chicago: Rand McNaly and Company: 19-58.
- Ungku Aziz. (1987). Jejak-jejak di Pantai Zaman. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.
- United Nations Development Programme (UNDP). (1996). Human development report 1996. New York Oxford Oxford University Press.
- Wan Hashim Wan Teh. (1980). Komuniti nelayan di Pulau Pangkor: Beberapa aspek ekonomi dan sosial. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yahya Don. (2000). Penagihan dadah dan perlakuan jenayah: Cabaran kepada pusat serenti dan masyarakat masa kini. Prosiding Seminar Kebangsaan Kerja Sosial 1999. Sintok: Universiti Utara Malaysia.